

BAB 11: DOSA-DOSA BESAR YANG MEMBAWA KEMURKAAN ALLAH

Gejala Bunuh Diri dalam Kalangan Masyarakat Islam

Kes Contoh



Seorang jiran warga Indonesia yang hanya dikenali sebagai Siti melihat pintu rumah tiga beranak tersebut dijumpai mati di Flat Desa Ria PJS 5 / 13 Jalan Klang Lama, Selangor, semalam.

PETALING JAYA 13 Oct. – Tiga beranak ditemui mati setelah dipercayai terminum racun di kediaman mereka di pangsapuri Taman Desa Ria, Jalan Klang Lama di sini hari ini.

Mangsa, Shamsul Hadi Yaakob, 32, seorang penyelenggara stor bersama dua anaknya, Nor Malissa Nasuha, 7, dan Muhammad Fariz Hilmi, 2, ditemui di ruang tamu rumah dalam keadaan terbaring.

Ketika ditemui kira-kira 2 petang, Shamsul Hadi berada dalam keadaan

berlumuran darah manakala mulut anak perempuannya itu berbuih.

Difahamkan polis menemui sebilah pisau di tempat kejadian. Polis juga menjumpai sekeping nota tertera ‘Maafkan abang ke atas apa yang berlaku’ dipercayai ditulis oleh mangsa kepada isterinya sebelum mati dan satu botol racun.

Isteri mangsa dipercayai telah meninggalkan rumah kira-kira seminggu yang lalu berikutan perselisihan faham antara mereka. Menurut jiran mangsa, M.Pushpa, 29, memberitahu, sebelum kejadian itu, empat orang termasuk isteri dan bapa mertua mangsa pergi ke rumah mangsa, kira-kira pukul 1.30 petang.

“Mereka minta tukul paku untuk memecah pintu rumah mangsa selepas mendapati mangsa tidak menjawab panggilan telefon sejak pagi ini.

“Apabila mereka masuk, saya terdengar bapa mertua Shamsul menjerit kuat sambil menangis,” katanya ketika ditemui di sini hari ini.

Mereka yang baru empat bulan tinggal di pangsapuri itu dikatakan kurang mesra dengan jiran tetapi tidak menimbulkan masalah.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Selangor, Senior Asisten Komisioner (SAC II) Mazlan Mansor ketika dihubungi mengesahkan kejadian.

Beliau berkata, pihaknya masih menunggu laporan lengkap siasatan kes tersebut yang buat masa ini diklasifikasikan sebagai kematian mengejut (SDR).

Katanya, mayat tiga beranak itu dihantar ke Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) untuk dibedah siasat.

Definisi Bunuh Diri

Bunuh diri ialah perbuatan untuk menamatkan hayat atau perbuatan memusnahkan diri kerana enggan berhadapan dengan sesuatu perkara yang dianggap tidak dapat ditangani. Kejadian membunuh diri ini lazimnya berlaku kepada mereka yang menghadapi tekanan sama ada dari segi mental atau fizikal. Mereka ini akan bertindak di luar pemikiran akal yang waras. Mereka ini juga selalunya daripada individu yang bermasalah seperti masalah dalam keluarga, putus cinta, dan sebagainya.

Bagi semua agama, membunuh diri dianggap tidak baik. Malah, menurut kitab Islam, Kristian, dan Yahudi, membunuh diri adalah satu dosa besar.

Larangan Bunuh Diri

Terdapat beberapa larangan dari Al-Quran dan As-Sunnah berkaitan dengan kesalahan ini. Antaranya termasuklah:

“Dan janganlah kamu menjatuhkan diri kamu sendiri ke dalam kebinasaan.”

“Dan janganlah kamu membunuh diri kamu, sesungguhnya Allah amat Penyayang kepada kamu”.

Di dalam Sunnah Rasulullah S.A.W., kita menemui hadis-hadis yang berikut:
”Sesiapa yang membunuh dirinya dengan sesuatu di dunia ini, maka dia akan diazabkan dengannya pada hari kiamat nanti .”

“Sesiapa yang menjatuhkan dirinya dari puncak bukit kerana membunuh diri, maka dia akan berulang kali jatuh ke dalam api neraka selama-lamanya, sesiapa yang meneguk racun kerana membunuh dirinya, maka racun itu akan berada di tangannya dan dia akan meneguknya berulang kali di dalam neraka selama-lamanya, sesiapa yang membunuh dirinya dengan menggunakan besi, maka besi itu akan berada di tangannya dan dia akan memukul kepalanya dengan besi itu berulang kali di dalam neraka selama-lamanya.”

“Sesungguhnya darah dan nyawa kamu adalah haram ke atas kamu, seperti haramnya pada hariku ini, bulanku ini dan di tempatku ini.”

Berdasarkan kepada nas-nas tersebut, kita dapat membuat beberapa kesimpulan berkaitan dengan kedudukan nyawa dan sejauh mana manusia itu mempunyai hak terhadapnya:

1. Nyawa adalah milik Allah. Dialah yang menghidup atau mematikan seseorang, bukannya orang itu sendiri yang menentukan hidup matinya.
2. Membunuh diri merupakan perbuatan terkutuk yang amat dilarang Allah biarpun di dalam suasana yang lain kadang-kadang kita diwajibkan berkorban hinggak kepada mengorbankan nyawa sendiri, tetapi ini tidaklah dikira sebagai membunuh diri kerana ada sebab-sebab lain yang lebih besar mengharuskannya, malah kadang-kadang pula diwajibkan kita berkorban seperti berjihad kerana mempertahankan agama, negara dan kehormatan diri dari serangan musuh, dan sebagainya.
3. Orang yang membunuh diri akan diazabkan Allah di hari akhirat nanti, dan tidak ada sesiapa pun akan terlepas dari azabNya.

Kaedah Bunuh Diri

Di negara-negara yang senjata api boleh didapati dengan mudah, banyak kes membunuh diri melibatkan penggunaannya. Sebenarnya, melebihi sedikit 55% daripada kejadian membunuh diri yang dilakukan di Amerika Syarikat pada tahun 2001 adalah membabitkan senjata api. Kaedah-kaedah pengasfiksian, termasuk gantung leher, serta peracunan, dan dos berlebihan) adalah agak biasa juga. Setiapnya merupakan lebih kurang 20% daripada kes bunuh diri di Amerika Syarikat pada tempoh yang sama. Kaedah-kaedah bunuh diri yang lain termasuk trauma kekerasan (umpamanya, lompat dari bangunan atau jambatan, atau melangkah ke hadapan kereta api), pengeksanguinatan atau pelepasan darah (menoreh pergelangan tangan atau kerongkong), pengorbanan diri, bunuh diri dengan kejutan elektrik, perlanggaran kereta, dan kebuluran sengaja.



** Penorehan pergelangan tangan*



** Lompat dari bangunan*

Alasan Membunuh Diri

Tidak adanya satu faktor tunggal yang dapat diterima sebagai sebab sejagat untuk membunuh diri. Bagaimanapun kemurungan merupakan fenomena yang paling biasa dalam kalangan mereka yang membunuh diri. Faktor-faktor yang berkaitan adalah seperti yang berikut:

- Sakit (umpamanya sakit yang amat sangat atau penderitaan yang tidak dapat dirawat)
- Tekanan (umpamanya kesedihan selepas kematian orang kesayangan)

- Jenayah (umpamanya mengelakkan hukuman dan penyahinsanian, atau juga kebosanan pemenjaraan)
- Penyakit jiwa dan ketidakupayaan (umpamanya kemurungan, gangguan dwikutub, trauma, dan skizofrenia)
- Kecederaan yang membawa bencana (umpamanya kelumpuhan, kecacatan, dan kekudungan)
- Penyalahgunaan dadah
- Persekitaran yang tidak menyenangkan (umpamanya penganiayaan seks, kemiskinan, ketiadaan tempat berteduh, diskriminasi, pembulian, ketakutan akan pembunuhan dan/atau penyeksaan)
- Kerugian keuangan (umpamanya ketagihan perjudian, pengangguran, kehilangan harta, kejatuhan pasaran saham, dan hutang)
- Persoalan-persoalan seks yang tidak dapat diatasi (umpamanya lencongan seks, cinta yang tidak berbalas, dan keruntuhan perkahwinan)
- Untuk mengelakkan rasa malu atau aib (umpamanya dalam ajaran Bushido, jika seseorang samurai gagal mempertahankan maruahnyanya, dia boleh mengambil jalan keluar dengan melakukan seppuku.)
- Sikap suka ambil tahu (umpamanya keperluan untuk mengetahui keadaan selepas seseorang mati)
- Kebosanan (umpamanya ketidakpuasan terhadap kehidupan boleh mengakibatkan kes membunuh diri yang lebih terancang)
- Terorisme boleh juga merupakan motif untuk membunuh diri, khususnya pembunuhan yang berkait dengan yang berikut:
 - agama (umpamanya pengeboman bunuh diri, dan kultus Pintu Syurga)
 - nasionalisme berketerlaluan (umpamanya serangan kamikaze, Selbstopfer, dan Kaiten (senjata bunuh diri))

Isu Bunuh Diri di Malaysia

Di Malaysia, kadar peningkatan bunuh diri dianggarkan antara lapan hingga 13 orang setiap 100,000 penduduk setahun dan tujuh orang setiap hari serta lebih 2,000 kematian setahun. Kaum India merupakan golongan yang paling ramai membunuh diri, iaitu 21.1 orang bagi setiap 100,000, diikuti kaum Cina (8.6 orang setiap 100,000) dan Melayu (2.6 orang setiap 100,000).

Antara faktor yang menyumbang kepada kejadian tersebut termasuklah kemiskinan, kehilangan orang yang disayangi, keretakan perhubungan, seperti perceraian dan penyalahgunaan dadah. Di samping itu, kegagalan akademik, sejarah penyakit fizikal atau mental seperti kemurungan serta sejarah bunuh diri dalam keluarga juga merupakan penyumbang kepada peningkatan kes berkenaan. Secara akar umbinya, itulah 6 faktor penyumbang yang menyebabkan berlakunya kejadian bunuh diri. Dengan pengertian yang lain, untuk merawat gejala ini perlulah ditangani secara berkesan keenam-enam faktor tersebut. Bagaimanapun, mungkin ramai yang terlupa bahawa faktor kelemahan dalam pendidikan dan pegangan agama yang lemah boleh menjadi dorongan yang utama selain dari apa yang telah disebutkan itu.

Kegagalan sistem pendidikan (tidak formal dan formal) melahirkan generasi yang mempunyai jiwa yang kental, mampu menghadapi segala macam cabaran, tidak mudah berputus asa dan berkeyakinan diri, memainkan peranan yang penting di dalam kehidupan dan tindakan seseorang apabila berdepan dengan cabaran-cabaran masa ini yang cukup kronik. Kemiskinan, kehilangan orang yang disayangi, dan penyalahgunaan dadah tidak begitu gawat jika seseorang itu tidak hilang pegangannya. Kehilangan pegangan akan berlaku apabila seseorang itu hilang keyakinan diri dan rapuh pegangan agamanya. Maka, sistem pendidikan tidak formal perlulah ditingkatkan.

Ibubapa perlu diberi maklumat selengkapnya tentang parenting agar tunjuk ajar mereka di dalam mendidik anak-anak mempunyai kesan secukupnya dan dapat melahirkan jati diri serta pegangan agama yang betul dan mantap semasa mereka berada di dalam peringkat pembesaran awal.

Tekanan hidup yang mencabar menyebabkan sebahagian ibu bapa mengabaikan pendidikan anak-anak mereka dan menyerahkan penjagaan dan seliaan urusan anak-anak kepada pembantu-pembantu rumah yang taraf pendidikan mereka tidak terjamin baik dan tindakan mereka terhadap anak-anak tentunya tidak seperti yang dilaksanakan oleh ibubapa sendiri. Dengan erti kepincangan yang berlaku di dalam rumah tangga dari sudut pendidikan anak-anak harus diperbetulkan dari masa ke semasa.

Kita harus persoalkan juga apa yang disediakan oleh kerajaan melalui sistem pendidikan formal, apa disediakan oleh pusat-pusat pendidikan bukan kerajaan dalam sukatan pendidikan mereka? Jika kekurangan/kelemahan berlaku di dalam ruang pendidikan tidak formal, ditambah dengan pendidikan formal yang tidak terancang, apa yang dapat kita harapkan dari generasi yang akan dilahirkan? Ini memerlukan satu renungan mendalam, di mana letaknya kelemahan sistem pendidikan negara sekarang ini? Adakah kelemahan itu terdapat di dalam sistem itu sendiri atau jentera pelaksanaan kepada sistem itu yang tidak efisiennya? Justeru, kita memerlukan perombakan kepada kedua-dua sistem pendidikan itu tidak formal dan formal dalam membina generasi yang berwawasan.

Dalam Islam, pendidikan dimulakan dengan akidah dan akhlak. Contoh baginda Rasulullah S.A.W. membentuk generasi Hijrah adalah sumber ilham yang tidak harus diabaikan. Baginda telah berjaya melahirkan satu generasi yang kental semangatnya, beretika dan penuh ketakwaan kepada kekuasaan Allah serta mampu mengharungi apa saja cabaran dalam melaksanakan tanggungjawab terhadap diri, masyarakat, negara dan agama. 13 tahun baginda berusaha ke arah ini. Pada akhirnya baginda telah berjaya. Generasi inilah yang telah berjaya menegak dan mempertahankan Negara Islam yang diasaskan baginda selepas berhijrah ke Madinah.

Dalam konteks kejadian membunuh diri, Islam tidak mengharuskan sesiapaupun mengambil nyawanya sendiri, kerana nyawa adalah milik Allah. Perkara ini telah dijelaskan menerusi Firman-Nya:

“Dan Dialah yang telah menghidupkan kamu, kemudian mematikan kamu, kemudian menghidupkan kamu lagi, sesungguhnya manusia itu benar-benar mengingkari nikmat.”
(Al-Hajj, 22:66).

Justeru, Islam menganggap perbuatan membunuh diri sebagai suatu kesalahan jenayah terhadap nyawa yang terangkum ke dalam kesalahan Jenayah Qisas. Islam, serupa dengan agama-agama Nabi Ibrahim yang lain, memperlihat bunuh diri sebagai suatu dosa yang amat menjejaskan perjalanan rohaniah seseorang. Bagi mereka yang dahulu percaya, tetapi akhirnya menolak kepercayaan mereka kepada Allah, hakikatnya kelihatan jelas negatif.